Tinjauan Makroekonomi

Pertumbuhan global yang lebih perlahan pada tahun 2023

Prospek global yang tidak menentu berikutan inflasi yang tinggi dan pemulihan ekonomi di China yang lebih perlahan daripada jangkaan

Ekonomi global dijangka berkembang pada kadar yang lebih perlahan pada tahun 2023. Permintaan dalam negeri yang berdaya tahan, keadaan pasaran pekerja yang kukuh dan pemulihan dalam aktiviti perkhidmatan khususnya pelancongan akan terus menyokong pertumbuhan global. Walau bagaimanapun, masih terdapat rintangan daripada inflasi yang berlarutan tinggi dan kadar faedah yang lebih tinggi. Walaupun pembukaan semula ekonomi China kekal menyokong ekonomi global, kadar pemulihan yang lebih perlahan daripada jangkaan dalam beberapa bulan kebelakangan ini akan menjejaskan pertumbuhan global.

Imbangan risiko terhadap pertumbuhan global terus cenderung ke arah pertumbuhan menjadi lebih perlahan. Hal ini disebabkan oleh momentum yang lebih perlahan terutamanya di ekonomi-ekonomi utama, inflasi yang lebih tinggi daripada jangkaan, ketegangan geopolitik yang semakin meruncing dan keadaan kewangan yang menjadi ketat secara mendadak. Risiko pertumbuhan global menjadi lebih tinggi boleh berpunca daripada permintaan dalam negeri yang lebih kukuh daripada jangkaan khususnya di ekonomi-ekonomi maju.

Pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka kekal sederhana pada separuh kedua tahun 2023

Pertumbuhan akan disokong oleh permintaan dalam negeri yang berdaya tahan meskipun terdapat rintangan luaran

Bagi separuh kedua tahun 2023, ekonomi Malaysia dijangka terus berkembang pada kadar yang sederhana. Permintaan luaran yang lebih perlahan juga akan terus menjejaskan kegiatan ekonomi khususnya bagi sektor berorientasikan eksport. Pertumbuhan akan disokong oleh permintaan dalam negeri dan keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan khususnya dalam sektor berorientasikan dalam negeri. Ketibaan pelancong dijangka terus meningkat, lantas menggiatkan aktiviti pelancongan, manakala aktiviti pelaburan akan disokong oleh pelaksanaan projek pelaburan berbilang tahun. Keadaan kewangan domestik juga kekal kondusif untuk pengantaraan kewangan.

Prospek pertumbuhan bergantung pada beberapa risiko. Risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan berpunca daripada pertumbuhan global yang lebih lemah daripada jangkaan, manakala risiko pertumbuhan menjadi lebih tinggi pula disebabkan terutamanya oleh faktor dalam negeri seperti aktiviti pelancongan yang lebih kukuh daripada jangkaan dan pelaksanaan projek yang lebih cepat.

Tinjauan Makroekonomi

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras akan menunjukkan trend yang lebih rendah pada separuh kedua tahun 2023

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras diunjurkan terus menjadi sederhana

Selaras dengan jangkaan, inflasi keseluruhan terus menjadi sederhana kepada 2.8% pada suku kedua tahun 2023 daripada kadar tertinggi iaitu 4.5% pada suku ketiga tahun 2022 berikutan faktor kos yang lebih rendah. Meskipun turut menjadi sederhana, inflasi teras tetap lebih berlarutan dan kekal tinggi berbanding dengan purata jangka panjang berikutan faktor permintaan dan kos yang berpanjangan. Bagi separuh kedua tahun 2023, trend inflasi keseluruhan dan inflasi teras diunjurkan lebih rendah mengikut jangkaan, sebahagiannya disebabkan oleh asas yang lebih tinggi dalam tempoh yang sama pada tahun 2022. Walau bagaimanapun, risiko terhadap prospek inflasi terus dipengaruhi oleh perubahan terhadap dasar dalam negeri mengenai subsidi dan kawalan harga serta perkembangan harga komoditi global dan pasaran kewangan.

Bahagian ini sengaja dibiarkan kosong